

# Pemimpin politik perlu disiplin: Dr M

**K**UALA LUMPUR: Seseorang pemimpin politik perlu berdisiplin dan sanggup mengetepikan kepentingan peribadi dalam usahanya membina negara, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (gambar).

"Dalam hal berfikir, anda perlu cukup berdisiplin kerana fikiran berdisiplin berkemungkinan membawa hasil yang diharapkan," katanya dalam ucaptamanya berjudul 'Asian Political Leadership: Disciplined Thinking For Change' pada Persidangan Antarabangsa ke-14



mengenai Pemikiran (ICOT) 2009 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Sidang lima hari itu, yang bermula Isnin dihadiri kira-kira 500 peserta dari 42 negara, termasuk Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata, kebolehan Malaysia menghadapi krisis ekonomi pada 1997 adalah hasil daripada proses pemikiran berdisiplin oleh kerajaan ketika itu.

"Ia dapat menghasilkan satu kaedah bagi menyelamatkan negara daripada krisis itu, tidak seperti mereka yang menerima penyelesaian alternatif yang ditawarkan badan kewangan dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata, ada-

lah baik 'untuk meragui penyelesaian yang ditawarkan oleh pihak lain'.

Katanya, keputusan pemimpin politik juga memainkan peranan penting, terutama dalam menentukan sama negara maju atau mundur.

"Contoh baik dapat dilihat pada negara Jepun yang moden dan cukup maju selepas pemimpin politiknya memutuskan untuk mencontohi negara Eropah. Begitu juga China, bagaimana di bawah Deng Xiao Ping negara itu bergerak ke arah permukiman," katanya. - Bernama